

SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED HALIA TUA**Standard FAMA : FS027 – 2002****1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk Halia Tua atau nama botaninya *Zingiber officinale* Roscoe dari famili Zingiberaceae yang dipasarkan.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang di gunakan akan bermaksud:

- 2.1 *Halia Tua* - halia yang di tuai sekurang-kurangnya berumur 8 bulan setelah ditanam dan tidak mempunyai batang. Rizom berwarna coklat perang, tekstur isi yang pejal, agak berserat dan tidak mudah patah. Permukaan kulit rizom agak licin atau mengelupas.
- 2.2 *Bersih* - bersih dari tanah sehingga jelas kelihatan permukaan kulit rizom. Cebisan cebisan tanah yang mungkin terdapat di celah-celah rizom dan permukaan kulit berdebu dianggap bersih. Tidak ada akar-akar panjang melebihi 0.5 sentimeter.
- 2.3 *Segar* - halia yang umumnya mempunyai permukaan kulit agak licin atau mengelupas dan tekstur isi yang pejal (firm). Bahagian rizom mungkin kecut sedikit tetapi tidak melebihi 25% dari keseluruhan rizom.
- 2.4 *Kecacatan* - tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk tidak segar, atau keadaan kecut melebihi 25%.
- 2.5 *Rosak* - kecederaan atau kesan berikut yang akan menjejaskan kualiti isi, jangkayaitu simpanan dan keseluruhan rupa:
 - 2.5.1 Kesan kecederaan luka atau pecah.
 - 2.5.2 Kesan lubang besar bergaris pusat dan dalam melebihi 0.5 sentimeter
 - 2.5.3 Kesan serangan penyakit di sebabkan organisma mikro seperti busuk reput dan berkulat

3. KEPERLUAN MINIMUM

3.1 Mestilah dari kategori Halia Tua yang umumnya kelihatan bersih dan segar

3.2 Agak bebas dari kecacatan , rosak dan bertunas.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1 Halia Tua dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelongsaran Maksimum
Premium	Halia Tua dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan dirapikan. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar ≤0% Bertunas ≤0% Rosak ≤ 0% Kecacatan ≤0% Saiz seragam ≤ 5%
1	Halia Tua dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan dirapikan. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar ≤5% Bertunas ≤0% Rosak ≤ 5% Kecacatan ≤5% Saiz seragam ≤ 10%
2	Halia Tua dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan dirapikan. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar ≤5% Bertunas ≤5% Rosak ≤ 10% Kecacatan ≤10% Saiz seragam ≤ 10%

4.2 Bagi Halia Tua, saiz di tentukan oleh berat dalam unit gram (g) sepertimana jadual berikut;

Saiz	Kod	Berat (g)
Besar	L	> 300
Sedang	M	>200 – 300
Kecil	S	100 – 200

Rujukan Standard : Specification for Fresh Ginger MS: 1306 (1993)

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

5.1.1 Halia Tua dari gred yang sama hendaklah di bungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.2 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

5.2.1 Tarikh

5.2.2 Nama/Kod Penanam

5.2.3 Nama/Kod Pengeksport

5.2.4 No. Kad Pengenalan

5.2.5 No. Pendaftaran Syarikat

5.2.6 Alamat

5.2.7 Komoditi

5.2.8 Berat Bersih

5.2.9 Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan untuk kepastian spesifikasi dan gred adalah berdasarkan kepada MS 1187, "Method of sampling for fresh vegetables", atau kaedah statistik yang dipersetujui.